

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah kos pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri iaitu Seri Perdana dan Timbalan Perdana Menteri, Sri Satria ; dan
- (b) senaraikan butir-butir kerja dan jumlah kos untuk membaiki kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sejak ia siap dibina dan senaraikan kos penyelenggaraan tahunan kedua-dua kediaman rasmi ini termasuk bil elektrik, air dan lain-lain kos.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kompleks Kediaman Rasmi YAB Perdana Menteri (Kompleks Seri Perdana) dan YAB Timbalan Perdana Menteri (Kompleks Sri Satria) telah dibina pada tahun 1997 dengan peruntukan keseluruhan untuk pembinaan kedua-dua kediaman rasmi ini adalah sebanyak RM172.2 juta.

2. Kedua-dua kompleks ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat kediaman sahaja, malah di dalam kompleks berkenaan juga terletak beberapa bangunan dan ruang yang digunakan untuk majlis-majlis rasmi negara. Selain itu, kompleks ini juga akan digunakan untuk majlis-majlis bagi menyambut tetamu-tetamu utama dari luar negara.

3. Memandangkan Kompleks Seri Perdana dan Sri Satria telah menjangkau usia lebih daripada 20 tahun, keperluan penyelenggaraan adalah amat penting untuk memastikan semua fasiliti dan kemudahan di kompleks tersebut akan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik dan kekal berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Tahap keselamatan (*safety & security*) kedua-dua kompleks ini juga perlu dititik beratkan melalui penyelenggaraan yang dijalankan dari semasa ke semasa.

4. Pengurusan fasiliti yang telah dilaksanakan terhadap kompleks ini adalah secara berkala dan mengikut keperluan yang mendesak. Mengambil kira hal demikian, kos penyelenggaraan tahunan semasa bagi kedua-dua kompleks berkenaan adalah sebanyak RM6.45 juta.

Sekian, terima kasih.